



ROSALAM

UMS terus perkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi

UB 31.01.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini akan melaksanakan inisiatif awal dengan mengadakan sesi 'townhall' bersama warga pensyarah dan penyelidik UMS.

Ia sebagai menyahut amanat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir yang menetapkan Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi sebagai antara lima fokus utama dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi 2023-2025.

Sesi yang akan berlangsung hari ini di Dewan Resital UMS antara lain untuk menyampaikan pelan strategik awal yang dirangka oleh pusat-pusat di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly.

Menurut Rosalam, ia bagi mengukuhkan penyelidikan dan inovasi ke arah mencapai sasaran yang telah diterapkan melalui Bidang Keberhasilan Utama (KRA) ke-3 UMS yang bertemakan Translatable Research.

Salah satu agenda utama yang akan diketengahkan adalah dalam mengukuhkan governan pusat-pusat kece-merlangan penyelidikan di UMS.

"Ini agar selari inisiatif Kluster Penyelidikan dan Inovasi UMS yang menekankan konsep penyelidikan multi-disiplin yang berfokus melalui jaringan kerjasama pelbagai entiti agar memberi impak kepada masyarakat," katanya.